

29 JUL 1996

Sanusi-Kemudahan

KEMUDAHAN BERISTIREHAT BERKUALITI UNTUK TINGKATKAN MOTIVASI

LANGKAWI, 29 Julai (Bernama) -- Kerajaan berharap penyediaan banyak kemudahan beristirehat yang berkualiti untuk kakitangannya dapat meningkatkan lagi motivasi mereka.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid berkata kemudahan itu juga sejajar dengan dasar kerajaan mewujudkan sebuah masyarakat penyayang.

"Ia juga sebagai mengenang jasa dan khidmat kakitangan Perkhidmatan Awam," katanya semasa mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Rumah Penginapan Persekutuan Langkawi di Pantai Tengah di sini.

Sanusi berkata kerajaan bersetuju menyediakan kemudahan beristirehat yang berkualiti untuk mereka kerana sebelum ini rumah penginapan yang sedia ada tidaklah dapat dibanggakan mutunya.

Menurutnya keputusan menswastakan pengurusan rumah penginapan itu juga membolehkan kakitangan Perkhidmatan Awam menikmati layanan dan perkhidmatan yang lebih baik.

Sanusi berkata penswastaaan pengurusan rumah penginapannya seperti yang dilakukan terhadap Rumah Penginapan Persekutuan Langkawi juga melambangkan semangat Persyarikatan Malaysia.

"Ia melambangkan kerjasama erat antara kerajaan dengan sektor swasta dan dalam hal ini dengan Syarikat Antara Resort Sdn Bhd yang sekaligus bertujuan menyediakan perkhidmatan yang lebih berkualiti," katanya.

Beliau berkata penswastaaan pengurusan rumah peranginan itu juga menjimatkan perbelanjaan kerajaan malahan kerajaan boleh memperolehi hasil bulanan kira-kira RM20,000 untuk tempoh 20 tahun pertama melalui pajakan dan berkongsi keuntungan.

Kakitangan kerajaan pula menurutnya, selain diharap meningkatkan motivasi juga dituntut menjaga kredibiliti mereka kerana ia adalah antara faktor penting kestabilan negara.

Terdahulu, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata reka-bentuk Rumah Penginapan Persekutuan Langkawi yang dianggap unik telah diilhamkan Dr Mahathir.

Katanya rekabentuk bangunan yang beraneka rupa itu mengambil kira arah tiupan angin dan diseragami dengan bangunan lain yang terletak di sekitar kawasan itu.

Beliau berkata keseluruhan rumah penginapan itu berharga RM11.8 juta dan mempunyai 88 buah bilik dengan kadar sewa antara RM50 dan RM150 sehari.

-- BERNAMA

ZAA AHH